

**Kerajaan BN Tidak Berdolak-dalik Hal Agama - Najib  
Bernama  
25 April, 2013**

PEKAN, 25 April (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak akan berdolak-dalik dalam soal agama atau mengorbankan prinsip Islam semata-mata untuk mendapatkan 'mileage' politik.

Perdana menteri berkata kerajaan BN akan terus mempertahankan prinsip-prinsip Islam termasuk mengenai penggunaan kalimah Allah walaupun ada pihak yang mempertikai tindakan yang dilakukan itu.

"Itulah sebabnya kita sentiasa mengekalkan pendirian kita mengenai penggunaan perkataan Allah (semata-mata untuk umat Islam)...kebenaran tetap kebenaran.

"Kita sentiasa mempertahankan (penggunaan) kalimah Allah kerana kita percaya tindakan kita betul yang akhirnya Allah akan bantu kerana kita di pihak yang benar," katanya ketika merasmikan Wacana Pembangunan Ummah peringkat negeri Pahang di Dewan Konvensyen Sultan Ahmad Shah di sini Khamis.

Turut hadir isteri beliau Datin Seri Rosmah Mansor, Imam Besar Masjid An-Nabawi Madinah As-Shaikh Solah Mohammed al-Budair dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Datuk Othman Mustapha.

Najib menegaskan kerajaan BN akan terus mempertahankan prinsip-prinsip Islam termasuk berhubung kalimah Allah selain kaedah menangani insiden pencerobohan militan warga asing di Lahad Datu, Sabah baru-baru ini, kerana tindakan yang dilakukan kerajaan itu betul.

Merujuk insiden pencerobohan di Lahad Datu, Perdana Menteri berkata: "Kita guna pendekatan penyelesaian secara damai tetapi apabila mereka 'gigit tangan kita' (serang), saya arahkan serang habis-habisan untuk pertahan kedaulatan negara, dan ini dibenarkan Islam".

Dalam pada itu, beliau mempersoal tindakan sesetengah pihak yang cuba mengeksploitasi isu-isu berkenaan demi kepentingan politik mereka.

"Kita sebenarnya tidak boleh mengorbankan prinsip-prinsip agama hanya kerana kepentingan politik," jelasnya.

Beliau berkata adalah sesuatu yang salah untuk mengorbankan prinsip Islam semata-mata untuk mendapatkan keuntungan politik.

Dalam pada itu, Najib, yang juga Pengerusi BN, berkata parti itu akan terus menjamin masa depan sekolah agama dan menyediakan skim lebih baik kepada pihak yang menyebarkan syiar Islam.

Beliau menarik perhatian di bawah kerajaan BN, sekolah agama menerima pelbagai bantuan manakala imam, bilal dan guru agama memperoleh pendapatan lebih baik.

"Kerajaan Persekutuan sentiasa mengambil berat tentang peranan imam, guru takmir dan Kafa (Kelas Al Quran dan Fardu Ain) kerana kita sedar tugas dakwah bukanlah perkara mudah," katanya.

Mengambil contoh peranan besar imam dalam memartabatkan Islam, Najib berkata kerajaan telah menaikkan kadar imbuhan bulanan imam kepada RM750 sebulan dan bayaran itu selari dengan pertambahan tugas mereka yang semakin mencabar sebagai ejen penggerak utama masyarakat di peringkat akar umbi.

"Kita beraku janji untuk menjaga kebajikan para imam, pegawai masjid dan guru Kafa dengan menyediakan gaji berasaskan perkhidmatan dan kenaikan gaji. Kami juga akan meningkatkan jumlah biasiswa untuk pelajar-pelajar sekolah agama," katanya.

Najib berkata kerajaan juga telah meneruskan Program Khas Haji sejak 2011 dan akan menghantar 800 orang termasuk 400 imam ke Tanah Suci tahun ini sebagai tanda penghargaan kepada mereka.

Pada tahun ini juga, katanya, kerajaan Pusat memperuntukkan RM500,967,264 untuk aktiviti memakmurkan masjid dan pendidikan Islam seperti membayar imbuhan imam sebanyak RM128,286,000 kepada 14,254 imam; program takmir (RM32,428,956) untuk 3,692 guru takmir; guru Kafa (RM338,684.160) bagi 31,355 orang dan RM1,810 sebulan kepada 171 penyelarass pentadbiran masjid daerah di seluruh negara.

Sehubungan itu, beliau mengajak rakyat bersama-sama membangunkan negara sepertimana dirancang pemimpin kerana apa yang dilaksanakan itu menjadi contoh terbaik kepada dunia dan ia adalah dakwah sebenar yang dianjurkan Islam.

Beliau berkata ini berbeza dengan pembangkang yang hanya pandai berhujah dan menabur pelbagai janji semasa pilihan raya umum lepas, namun gagal melunaskannya sehingga sekarang.

Sementara itu, dalam ucapan yang diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia, As-Shaikh Solah berkata perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia telah membantu mengekalkan keamanan dan kestabilan di negara ini.

Beliau berkata rombongan yang menyertainya ke negara ini serta negara-negara Islam lain turut kagum dengan kemajuan dan keamanan yang mereka lihat di Malaysia.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=944996>